

26 APR 1997

Mahathir-Afrika

MAHATHIR AKAN LAWAT TIGA NEGARA AFRIKA

Oleh: S.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melakukan lawatan ke benua Afrika minggu depan dalam satu lagi usahanya menggalakkan hubungan selatan-selatan dengan tiga kuasa ekonomi yang sedang muncul.

Lawatan seminggu itu akan membawa beliau ke selatan Afrika dengan persinggahan pertamanya di Malawi pada 1 hingga 3 Mei diikuti dengan Botswana pada 3 hingga 7 Mei dan kemudiannya Afrika Selatan pada 7 Mei.

Lawatan Perdana Menteri ke Afrika itu dibuat pada ketika pemerintahan-pemerintahan kuku besi di benua itu beralih kepada demokrasi dengan lebih dari 25 negara Sahara kecil yang telahpun mengadakan pemilihan demokrasi sejak 1990, tarikan pelancongan dipertingkatkan dan ekonomi sedang berkembang.

Dr Mahathir akan diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sebagai bukti kepada komitmen dan keazaman Malaysia untuk membantu negara-negara membangun, Perdana Menteri akan membawa bersama beliau satu delegasi perniagaan peringkat tertinggi. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggi dan pegawai-pegawai kanan kerajaan akan turut serta.

Di Blantyre, bandaraya komersil dan industri utama Republik Malawi, negara kawasan selatan tengah yang disempadani oleh Mozambique, Tanzania dan Zambia, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan presidennya, Dr Bakili Muluzi.

Malaysia dan Malawi telah menandatangani dua perjanjian mengenai jaminan perdagangan dan pelaburan semasa Dr Muluzi melawat Malaysia September tahun lepas.

Pada persinggahan tiga hari ke Malawi itu, Perdana Menteri dijadualkan melawat ibupejabat Telekom Networks Limited, sebuah syarikat usahasama antara Telekom Malaysia Berhad dengan Perbadanan Pos dan Telekom Malawi di Blantyre.

Syarikat itu yang diberi lesen untuk mengendali sistem komunikasi selular bergerak dan Rangkaian Kelompok Data Bersuis (PSDN), telah dirasmikan oleh Moggie pada 11 Mei tahun lepas.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Malawi pada tahun 1996 ialah RM2.55 juta, pertambahan sebanyak 36.4 peratus dari RM1.87 juta tahun sebelumnya.

Eksport Malaysia ke Malawi termasuk bahan-bahan cetak, alkohol, fenols dan derivatif, jentera memproses data automatik, peralatan elektrik dan pakaian, manakala eksport Malawi ke Malaysia terdiri dari sayuran dan tuber, minyak lenga dab buah-buahan.

Negara kedua yang akan dilawati oleh Perdana Menteri ialah Botswana yang terletak di pedalaman selatan Afrika dan disempadani di barat dan utara oleh Namibia, utara-timur oleh Zambia dan Zimbabwe, dan di selatan oleh Afrika Selatan.

Dr Mahathir dijadual berbincang dengan Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire setibanya di Gaborone, ibunegara Botswana pada 3 Mei.

Sir Ketumile hadir di Dialog Antarabangsa Langkawi Kedua mengenai Perkongsian Pintar Julai tahun lepas.

Dr Mahathir juga dijangka berucap kepada Majlis Perniagaan Botswana-Malaysia dan akan ke Kasane di utara Garborone pada 4 Mei untuk menyampaikan ucapan utama pada perjumpaan pertama Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 1997.

Pada masa kini, tidak ada pelaburan Malaysia di Botswana yang merupakan

pengeluar berlian yang terbesar di dunia dari segi nilai.

Perdagangan Malaysia dengan Bostwana pada tahun 1996 bertambah kepada RM1.35 juta dari RM0.54 juta pada tahun 1995.

Dr Mahathir akan tiba di Cape Town, Afrika Selatan pada 7 Mei di mana beliau akan menerima penganugerahan "Order of Good Hope", iaitu anugerah tertinggi Afrika Selatan, dari Presiden Nelson Mandela.

Pada tahun 1992 Perdana Menteri melawa Afrika Selatan secara tidak rasmi dan membuat lawatan rasmi ke republik itu pada Ogos 1995, manakala Mandela baru sahaja melawat Malaysia Mac lepas. -- BERNAMA

ES WAT